



## **PENYAIR DAN PUISINYA: NOR AZUAN ASUAT**

RANCANGAN BICARA PUISI

PERBADANAN PENYIARAN SINGAPURA

TARIKH SIARAN: 23 NOVEMBER 1982

DISIAPKAN OLEH : MOHAMED NAIM DAUPI

---

Saudara-saudara pendengar yang budiman.

Sememangnya tidak dapat kita nafikan bahawa kehidupanlah yang menjadi inti perbincangan dan pernyataan penyair di dalam puisinya. Tapi bagaimanakah penyair menimba secebis kehidupan yang menjadi pokok pengucapannya itu? Ditimbus dari pengalaman-pengalaman penyairnya, mungkin pengalaman itu benar-benar dialami oleh si penyair atau sekadar pengalaman gantian. Begitulah penyair, senantiasa mendedahkan dirinya, emosi dan fikirannya kepada pengalaman-pengalaman dan peristiwa-peristiwa kehidupan.

Saudara-saudara pendengar:

Salah seorang penyair yang banyak menerapkan pengalamannya sendiri ke dalam pengucapan-pengucapan puisinya ialah penyair muda NOR AZUAN ASUAT. Minggu ini kita berkesempatan mengenali penyair muda ini dalam ruangan PENYAIR DAN PUISINYA. Dengarilah tentang diri dan puisi penyair ini yang disampaikan oleh .....

PEMBICARA 1:

Saudara-saudara pendengar yang saya hormati. Nor Azuan Asuat dilahirkan di Singapura pada tanggal 8hb April 1960. Kini beliau berumur lebih 22 tahun. Beliau menerima pendidikan awalnya di Sekolah Rendah Bedok dan melanjutkan pelajarannya di Sekolah Menengah Telok Kurau. Di sekolah-sekolah tersebut beliau tidak berkesempatan mempelajari kesusasteraan apatah lagi mengenali apa yang disebut puisi atau sajak itu. Tetapi oleh kerana desak hatinya, beliau meruntun resanya yang ingin membuat pengucapan artistik ini begitu kuat menerusi pembacaan-pembacaan dan penelitiannya terhadap puisi-puisi yang tersiar di dada-dada skhbar majalah.

PEMBICARA 2:

Beliau juga tidak pernah mengikuti sebarang pertemuan dan bengkel-bengkel penulisan. Padnya usaha-usaha tersebut bukanlah bermakna tidak memberi faedah kepada penglibatannya dengan dunia puisi, tetapi kehidupan yang menyinggahi dirinya yang kesekitarannya yang banyak sekali mendorong beliau untuk menulis. Bengkel-bengkel hanyalah menambahkan perspektif kita terhadap cara penulis mengungkapkan kehidupan



melalui puisi. Nor Azuan Asuat mula menulis dalam bulan Mei 197. Pada usia yang masih muda, beliau telah berjaya merakamkan sebanyak lebih dua puluh kuntum puisi di dada akhbar tunggal kita untuk tatapan masyarakat umum.

#### PEMBICARA 1:

Puisi BERBATU yang merupakan puisi sulungnya tersiar di akhbar BERITA MINGGU pada 20hb Mei 1979 merupakan pendorang dan penggalak yang amat kuat untuk beliau terus mencipta. Walaupun hampir kebanyakan puisinya selepas itu berbicara secara permukaan sahaja dan sering pula berputar dari dalam dirinya, tetapi lenggang-lenggok bahasanya yang seimbang telah menerbitkan kesan musik bahasa yang indah dan artistik.

Saudara-saudara pendengar, Ruangan PENYAIR DAN PUISINYA minggu ini berkesempatan mengisi tiga kuntum puisi beliau untuk kita dekati dan mengenali diri dan pemikiran penyair Nor Azuan Asuat ini.

#### PEMBICARA 2:

Puisi pertama beliau bertajuk SURAT pernah tersia di akhbar BERITA MINGGU pada 6hb OGOS yang baru lalu. Dengarilah puisi yang mengandungi 6 baris kalimat itu yang akan didiklamsikan oleh...

#### ARAHAN:

#### DIDEKLAMASIKAN PUISI INI

Angin inikah  
Yang masuk ke jendela  
Dan menerbangkan surat cintaku  
Atau kaukah wahai pengalaman  
Yang tiba-tiba melarangku  
Memungutnya semula.

#### PEMBICARA 1:

Saudara-saudara pendengar menatap puisi tersebut ia langsung berbicara kepada kita. Kita tidak perlu-perlu menelaah berbagai-bagai pengertian darinya. Puisi tersebut hanyalah mengandungi makna yang selapis sahaja. Tetapi pengertian cinta yang mahu diucapkan beliau cukup memberikan pengertian yang luas dan tidak terikat kepada apa yang dinamakan cinta atau tertuju kepada seorang wanita.



Selain daripada itu apa yang menarik dari puisi tersebut ia memberikan pengertian kepada kita tentang pengalaman manusia. Pengalamanlah yang akan menolak bencana atau kekecohan yang datang bertimpa-timpa, pengalamanlah yang banyak membantu kita dari terbelit dengan masalah-masalah yang serupa.

#### PEMBICARA 2:

Melalui puisi keduanya yang bertajuk PANGGILAN yang sebentar nanti akan kami deklamasikan juga menerapkan tentang pengalaman tersebut. Daripada apa yang mahu diucapkan oleh Nor Azuan Asuat ternyata tertumpu kepada baris-baris kalimat ini :

Atau membiarkan saja suara angin  
Menelan semua panggilan itu  
Sedang aku sendiri berdiam di dalam  
Membeza dan meramal.

Yakni baris-baris kalimat yang memberi pengertian bahawa pengalamanlah yang dapat mencipta gejala-gejala yang akan datang mengkecohkan emosi dan fikiran kita. Pengalamanlah yang akan menerbitkan suatu kesedaran dan kesedaran pula yang akan membuka pintu untuk kita temui kehidupan yang meriangkan dan mendamaikan.

#### PEMBICARA 1:

Saudara-saudara pendengar, sekarang dengarilah deklamasi puisi yang berjudul PANGGILAN yang akan disampaikan oleh...

#### ARAHAN:

#### DIDEKLAMASIKAN PUISI INI

Usah bimbang mama  
Aku masih di sini  
Berlabuh di pintu  
Tapi di manakah lilin yang kunyalakan  
Aku mahu berpanas di bibirnya  
Sebelum beredar  
Atau akan tertidur  
Di puncak mimpi

Mama  
Tiba-tiba ku terdengar panggilan di pintu  
Atau aku harus menjawabnya?



Menelan semua panggilan itu  
Sedang aku sendiri berdiam di dalam  
Dan belajar mentafsir  
Membeza dan meramal  
Panggilan kubuka dan menyahut  
Pada panggilan yang lain.

## PEMBICARAN 2:

Saudara-saudara pendengar:  
Sajak yang dideklamasikan tadi ternyata lebih kuat dan bernafas kalau dibandingkan dengan sajak yang sebelumnya. Betapa Nor Azuan mencatat:

Dari payah sebuah keadaan  
Membentuk pengalaman hari lalu  
Yang tak tertafsir  
Berapakah harga pengalaman yang begitu  
Bagaimana waktu kita pemilih  
Dalam membina tembok-tembok keyakinan.

## PEMBICARA 1:

Dari ketiga-tiga puisi yang termuat di dalam ruangan singkat ini nyatalah NOR AZUAN ASUAT amat gemar sekali membuat pengucapan betapa pengalamanlah yang akan membentuk manusia menemui pengertian hidup yang sebenar. Walaupun begitu skop pengucapannya dalam menyampaikan falsafah ini berbeza-beza tetapi menyakinkan. Akhir kata dengari puisi PERJALANAN , NOR AZUAN ASUAT yang akan dideklamasikan oleh ...

## ARAHAN:

### DEKLAMASIKAN PUISI INI

Seperti hari-hari semalam  
Akankah kucatatkan semuanya  
Maka adakah sesiapa yang mahu menafikan  
Bahawa kita sebenarnya masih mencari-cari arah  
Dari perjalanan dan sebuah cinta  
Dekat tapi amat terasing  
Kita telah memulakannya



Kita telah memulakannya  
Dari payah sebuah keadaan  
Membentuk pengalaman hari lalu yang tak tertafsir  
Bagaimana pengalaman hari lalu yang tak tertafsir  
Berapakah harga pengalaman yang begitu  
Bagaimana waktu kadangkala  
Manjadikan kita pemilih  
Dalam membina tembok-tembok keyakinan  
Walau betapa sukar dan bingung  
Bila nanti kita akan menemui perhentian  
Kenangkanlah kembali  
Bagaimana dulu kita bertolak  
Agar tiada lagi keraguan dalam memulakan  
Perjalanan baru.

ANN:

Demikianlah saudara-saudara pendengar sekilas pandangan tentang diri dan puisi penyair kita minggu ini, NOR AZUAN ASUAT. Pada minggu hadapan akan kami temukan saudara segan penyair yang lain pula. Isya-Allah.

